



KEPENTINGAN VISUAL FOTOGRAFI TERHADAP KULIT BUKU ORANG ASLI: ANALISIS SEMIOTIK

The Significance of Photography Visual on Orang Asli Book Covers: A Semiotic Analysis

Mohamad Suhaizi Suhaimi^{1*}, Muhammad Helmi Mohd Nazari¹

^{1,1} Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Muar, Malaysia

*Corresponding Author Email: msuhaizi@iium.edu.my

Received: 26 April 2023 • Accepted: 15 April 2024 • Published: 30 April 2024

Abstract

This study delves into the meaning behind visual elements and the significance of using photographic visuals in the cover of Orang Asli books based on Semiotic analysis, which is one of the areas of meaning study besides Semantics. In pursuing this aspect, two research objectives are outlined: to elucidate the photographic visuals on the covers of Orang Asli books based on Semiotic theory and to analyze the significance of using photographic visuals on the covers of Orang Asli books. This study applies Peirce's Semiotic analysis theory (1839-1914) as the main framework for the research data on four Orang Asli books investigated. The data collection and analysis process employs library methods, through material selection, survey forms, and document analysis. Findings indicate that the technique of using photographic visuals in Orang Asli book covers is more effective in capturing readers' attention because it portrays the reality or authenticity of the community's civilization. Additionally, the findings show that there are four main interests in photographic visuals that are more relevant for use: providing information, attracting attention, explaining concepts, and facilitating the audience in distinguishing book categories in the market.

Keywords: Book Covers; Photography Visual; Semiotic, Meaning, Importance.

Abstrak

Kajian ini menekuni aspek makna yang terhasil di sebalik sesuatu visual dan kepentingan penggunaan visual fotografi dalam kulit buku Orang Asli berdasarkan analisis Semiotik, yang merupakan salah satu bidang pengkajian makna selain daripada Semantik. Dalam mencapai aspek tersebut, dua objektif kajian yang iaitu

menghuraikan visual fotografi dalam kulit buku Orang Asli berdasarkan teori Semiotik dan menganalisis kepentingan penggunaan visual fotografi dalam kulit buku Orang Asli. Kajian ini mengaplikasikan teori analisis Semiotik Peirce (1839-1914) sebagai sandaran utama bagi data kajian terhadap empat buah buku Orang Asli yang diselidiki. Proses pengumpulan dan menganalisis data menggunakan kaedah perpustakaan, menerusi kaedah pemilihan bahan, borang soal selidik dan menganalisis dokumen. Dapatan memperlihatkan bahawa teknik penggunaan visual fotografi digunakan dalam kulit buku Orang Asli lebih efektif untuk menarik perhatian pembaca kerana bersifat realiti atau nyata tentang peradaban kaum tersebut. Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat kepentingan yang menjadi keutamaan visual fotografi lebih relevan untuk digunakan iaitu memberi hebahan, menarik perhatian, menjelaskan konsep dan memudahkan khalayak membezakan kategori buku di pasaran.

Kata kunci: *Kulit Buku; Visual Fotografi; Semiotik; Makna; Kepentingan.*

Cite as: Suhaimi, M. S., Nazari, M. H. M. (2024). The significance of Photography visual on Orang Asli book covers: A Semiotic analysis. *Asian People Journal*, 7(1), 17-32.

PENGENALAN

Semiotik merupakan salah satu ilmu yang mengkaji sesuatu makna. Danesi (2004) menyatakan makna merupakan pandangan atau persepsi, cara berfikir serta perasaan yang terhasil dari 'interpretasi'. Namun begitu, kajian Semiotik sedikit berbeza dari segi pengaplikasiannya berikutan bidang Semiotik lebih menekankan kepada menterjemahkan makna daripada sesuatu visual atau imej yang digunakan, manakala Semantik lebih kepada mentafsirkan makna dari leksikal. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa setiap penggunaan visual yang hadir dalam pelbagai tanda atau simbol mempunyai maknanya tersendiri, dan Semiotik merupakan teori sandaran bagi menjelaskannya.

Penggunaan visual fotografi dalam kulit buku dilihat semakin menjadi perhatian setiap penerbit dalam menghasilkan sesebuah buku. Hal ini demikian kerana, khalayak atau masyarakat pada hari ini lebih memfokuskan tanggapan pertama terhadap rekaan kulit buku yang lebih menarik. Perkara ini disokong oleh Tahir et al. (2018) yang menyatakan sewaktu pemilihan buku, elemen pertama diteliti khalayak dengan membelek-belek reka bentuk kulit buku dan berperanan penting untuk menghebah, menyampai serta memberikan maklumat awal kepada setiap khalayak sasaran. Rekaan kulit buku berunsurkan visual sememangnya akan memberikan kesan yang lebih mendalam kepada khalayak. Sharudin et al. (2020) menyatakan penggunaan visual seperti imej foto, teks, ilustrasi dan gambar rajah dikategorikan sebagai infografik memberi pelbagai impak kepada individu yang menerimanya. Perkara ini menunjukkan bahawa penggunaan visual bercirikan fotografi dalam kulit buku Orang Asli membawa kepada ekspresi yang menarik terhadap tanggapan pertama. Oleh itu, cakupan ruang lingkup visual fotografi dalam kulit buku Orang Asli ini, membawa kepada satu pendekatan yang boleh digunakan untuk menunjukkan pengamatan yang mendalam terhadap khalayak sasaran melalui visual yang dilihat kerana bersifat realiti dan bukannya ilustrasi.

Orang Asli merupakan masyarakat peribumi yang tidak terpengaruh dengan masyarakat di kawasan yang didiami mereka secara umum (Suhaimi, 2021). Kenyataan ini disokong oleh Aslam dan Abdullah (2004), iaitu Orang Asli mempunyai susur galur hubungan dengan zaman Mesolitik dan Paleolitik. Melihat kepada kehidupan

masyarakat ini, sudah semestinya mempunyai pelbagai keunikan adat dan budaya serta tradisi yang diamalkan sehingga hari ini. Justeru, kajian ini menghuraikan visual fotografi dalam kulit buku Orang Asli berdasarkan teori Semiotik serta menganalisis kepentingan penggunaan visual fotografi terhadap kulit buku Orang Asli.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan visual fotografi banyak dipaparkan dalam pelbagai pelantar untuk menyampaikan maklumat yang berbeza dari bentuk tulisan. Hal ini bertujuan untuk menarik minat khalayak bagi memperoleh informasi dengan lebih berkesan. Rentetan itu, kajian mengenai visual dilakukan oleh Sharudin et al. (2020) terhadap visual infografik dalam hantaran *Instagram* Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain itu, kajian Tahir et al. (2018) pula mengkaji penggunaan visual ilustrasi dan fotografi dalam kulit buku tokoh pemimpin negara Malaysia. Seterusnya kajian oleh Suhaimi et al. (2019) mengkaji visual fotografi dalam kulit buku agama. Namun begitu, masih tiada lagi kajian terhadap visual fotografi dalam kulit buku yang memperihalkan tentang Orang Asli. Sekiranya kajian visual fotografi terhadap kulit buku yang melibatkan Orang Asli tidak diketengahkan, maka tarikan terhadap buku berkurang sekaligus menyukarkan penyebaran informasi tentang budaya serta keunikan masyarakat ini. Kenyataan ini disokong oleh Mansor dan Mansor (2015) yang menyatakan penerbitan ilmiah khususnya melalui karya buku, artikel dalam jurnal dan prosiding menjadi pentas utama bagi ahli akademik di institusi pengajian tinggi negara mendesiminasikan hasil-hasil penyelidikan dan inovasi terkini kepada masyarakat.

Kecanggihan teknologi yang semakin membangun pada hari ini telah banyak membantu dalam penghasilan penerbitan buku. Hal ini dapat dilihat melalui lambakan buku yang terhasil dengan pelbagai judul di pasaran. Oleh itu, kajian mengenai peranan reka bentuk kulit buku dilakukan oleh Ali et al. (2020) terhadap ciri kearifan tempatan dalam kulit buku sastera kanak-kanak. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Muhamad Faisal Ashaari et al (2018) pula melihat kepada faktor yang menjadi tarikan buku indie dalam golongan orang muda. Seterusnya, kajian oleh Smith (2019) mengkaji kepentingan kulit buku terhadap pemilihan seseorang pembaca. Walau bagaimanapun, tiada kajian yang dilakukan terhadap kepentingan penggunaan visual fotografi dalam rekaan kulit buku yang memperihalkan suku kaum Orang Asli. Sekiranya kajian kelebihan visual fotografi digunakan terhadap kulit buku Orang Asli tidak dilakukan maka peluang untuk mempamerkan kebudayaan mereka akan terhalang. Kenyataan ini disokong oleh Adnen (2022), rekaan kulit buku juga berperanan besar dalam meningkatkan penjualan buku bukan sahaja kandungan, reputasi serta kredibiliti penulis dalam industri penerbitan buku ini. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menunjukkan penggunaan visual fotografi dalam kulit buku Orang Asli lebih efektif berbanding reka bentuk kulit buku yang lain.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah kualitatif untuk lebih memahami dan menerangkan masalah kajian seterusnya menjawab kedua-dua objektif kajian. Crawford dan Irving (2009) menyatakan bahawa reka bentuk kualitatif tidak melibatkan penomboran seperti reka bentuk kuantitatif malah reka bentuk kualitatif lebih sesuai digunakan untuk kajian penerokaan. Oleh itu, kajian ini juga dikelaskan sebagai kajian etnografi, kerana pengkaji perlu meneroka budaya masyarakat Orang Asli dalam menerangkan makna terhadap imej fotografi yang digunakan dengan bersandarkan pada teori Semiotik. Kajian ini memilih untuk menggunakan bilangan sampel kajian yang kecil dengan menjadikan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Berdasarkan saiz sampel kajian yang

ditentukan, pengkaji akan lebih mudah memahami perkaitan penggunaan fotografi dengan teori Semiotik. Menurut Creswell (2009), kajian kualitatif juga menggunakan sampel kecil, kutipan data berfokus dan mendalam serta membuat analisis secara penghuraian.

Populasi dan sampel kajian

Dalam kajian ini, populasi tertumpu kepada 19 orang pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Pagoh serta merupakan para pelajar dari Kulliyah Bahasa dan Pengurusan yang mengambil subjek SCSH 2163 *Usrah in Action* bagi seksyen 513. Subjek ini memberi fokus kepada menjalankan penyelidikan yang mengintegrasikan aspek budaya, bahasa, pemeliharaan serta pemuliharaan bagi tradisi Orang Asli untuk generasi akan datang.

Kaedah pengumpulan data

Penyelidikan ini menggunakan beberapa kaedah dalam mengumpulkan maklumat, antaranya termasuklah kaedah kepustakaan, kaedah memilih bahan, dan kaedah borang soal selidik. Bagi kaedah kepustakaan, pengkaji menjadikannya sebagai kaedah yang utama dalam mendapatkan pelbagai maklumat daripada kajian-kajian lepas, atau sumber yang lebih tepat untuk memilih empat buah buku yang hanya menggunakan visual fotografi dalam kulit buku masyarakat Orang Asli sahaja.


Hasil dapatan kajian yang telah dikumpulkan oleh pengkaji berdasarkan borang soal selidik yang dibina melalui pelantar *Google Form* mendapati pelbagai sokongan berbeza disetiap empat buah buku tersebut. Bahagian A iaitu demografi responden menunjukkan rata-rata pelajar yang mengikuti subjek SCSH 2163 adalah daripada jurusan bahasa Melayu dan bahasa Arab untuk Komunikasi Antarabangsa tahun ketiga di Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh. Tambahan pula, lingkungan umur mereka adalah di antara 21 sehingga 24 tahun sahaja.

Bahagian B pula menunjukkan jawapan yang diberikan oleh para responden terhadap empat kepentingan penggunaan visual fotografi dalam kulit buku Orang Asli menurut Tahir et al. (2018) iaitu:

- 1) Visual fotografi berperanan untuk memberi hebahan, gambaran dan menjelaskan kepada khalayak sasaran mengenai keseluruhan penceritaan pada sesebuah buku.
- 2) Visual fotografi berperanan mencetus, mempengaruhi dan menarik perhatian sasaran khalayak untuk memilih sasaran dan membaca sesuatu bahan bacaan.
- 3) Visual fotografi berperanan menjelaskan situasi, konsep dan idea kepada khalayak sasaran yang melihat reka bentuk kulit buku.
- 4) Visual fotografi berperanan memudahkan khalayak sasaran untuk membezakan setiap kategori buku yang berada di pasaran.


Kaedah penganalisan data

Kajian ini menggunakan kaedah menganalisis dokumen untuk mencapai objektif dengan menggunakan teori Semiotik Peirce (1839-1914) dan juga Analisis Semiotik Stokes (2003). Mengikut Peirce (1839-1914) proses pemaknaan tanda mengikut hubungan antara tiga titik ialah perwakilan (R), objek (O), dan interpretasi (I). R merupakan bahagian tanda yang dapat dipersepsikan secara fizik, yang merujuk kepada sesuatu yang diwakili olehnya (O), kemudian I adalah bahagian dari proses yang menafsirkan hubungan R dan O. Pierce menyatakan bahawa tanda sebagai perwakilan dan konsep, benda, idea yang disebut sebagai objek sedangkan makna yang diperoleh akan disebut dengan interpretasi. Manakala Objek (Y), Perwakilan (X) iaitu elemen dan interpretasi ($X = Y$), Perwakilan Objek (Y) dan Interpretasi ($X = Y$).



Rajah 1: Teori Semiotik Peirce (1839-1914)

Konsep yang dikemukakan oleh Peirce ini sememangnya menunjukkan sesuatu hubungan segi tiga antara Perwakilan, Interpretasi dan Objek. Satu tanda lebih difahami dalam hubungannya melalui interpretasi, manakala satu tanda yang sama dalam fikiran seseorang yang merujuk pada objek tertentu akan berkembang. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa tanda mempunyai hubungan dengan interpretasi objek dirujuknya serta tidak boleh dipisahkan. Dalam kajian ini, analisis Semiotik visual fotografi dalam kulit buku Orang Asli menggunakan pendekatan yang dibawa oleh Stokes (2003). Penganalisan imej fotografi yang dilakukan merangkumi empat analisis dimensi elemen fizikal iaitu lambang, warna, gambar, serta tulisan dan mesej seperti gambar rajah berikut:



Rajah 2: Analisis Semiotik Stokes (2003)

Rajah 2 menunjukkan analisis dimensi elemen fizikal terdiri daripada taksonomi logo, iaitu lambang, warna, gambar serta tulisan dan mesej. Tulisan dan mesej merangkumi beberapa elemen seperti jenis huruf, ujaran huruf, ketebalan huruf dan warna huruf yang digunakan dalam sesuatu visual. Namun begitu, kajian ini hanya memfokuskan kepada elemen fizikal gambar sahaja berikutan objektif yang ingin dikaji adalah melihat kepada visual fotografi yang digunakan dalam kulit buku berkaitan masyarakat Orang Asli.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Visual fotografi terhadap kulit buku Orang Asli

Terdapat empat buah buku pilihan berkisarkan masyarakat Orang Asli yang menggunakan visual atau imej fotografi sebagai kulit buku yang diuraikan menggunakan teori Semiotik Peirce (1839-1914) dan pendekatan analisis Semiotik Stokes. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan terhadap gambar sahaja dan dijelaskan melalui, (X) merupakan tanda yang boleh dirasakan secara fizikal dengan merujuk kepada sesuatu perkara yang mewakili oleh (Y). Akhirnya, (X=Y) merupakan salah satu bahagian daripada proses yang menerangkan hubungan antara (X) dan (Y). Hasilnya, mesej dalam sesebuah fotografi dapat dikupas dengan lebih baik seterusnya menunjukkan penggunaannya dalam kulit buku Orang Asli menjadi lebih menarik.




Rajah 3: Kulit Buku I

Jadual 1: Analisis Semiotik ‘Pembangunan Kontemporari Orang Asli’

Elemen	Perwakilan (X)	Objek (Y)	Interpretasi (X=Y)
Fotografi	Empat orang gadis masyarakat Orang Asli memakai pakaian tradisional.	Tarian keramaian	Gambar empat gadis Orang Asli yang memakai pakaian seragam mengenakan baju berwarna coklat dan beberapa perhiasan lain daripada daun mengkuang. Kebiasaannya, pakaian tradisional dipakai untuk sesuatu majlis atau perayaan, dan semestinya persembahan seperti tarian ditampilkan.
	Burung yang diperbuat daripada daun mengkuang.	Seni kraftangan yang unik dan tinggi.	Seni kraftangan yang dimiliki oleh masyarakat Orang Asli khususnya golongan wanita

sangatlah unik dan kemas (Vivien, Saiful Farisin, dan Mohd Rusydi, 2019). Gambar tersebut menunjukkan beberapa seni kraftangan yang terhasil, contohnya seperti burung yang diperbuat daripada daun mengkuang. Selain itu, daun pokok salak atau kelapa turut digunakan untuk membuat perhiasan tradisional.




Rajah 4: Kulit Buku II

Jadual 2: Analisis Semiotik ‘Buku Adat dan Pantang Larang Orang Asli Semenanjung Malaysia Suku Orang Huluk (Jakun) Johor’

Elemen	Perwakilan (X)	Objek (Y)	Interpretasi (X=Y)
Fotografi	Orang lelaki memakai kain berwarna putih.	Bomoh atau pawang.	Tok bomoh atau pawang memainkan peranan yang sangat besar dalam masyarakat Orang Asli. Keberadaannya bukan sahaja untuk menyembuhkan penyakit, bahkan untuk menghalau roh-roh jahat atau melibatkan aktiviti mistik yang lain.


Kanak-kanak Orang Asli di tepi sungai.	Kepercayaan sungai.	memuja	Bagi masyarakat Orang Asli, kepercayaan kepada hantu, dewa, adat istiadat mengubati sakit masih lagi diamalkan sehingga sekarang. Aktiviti memuja sungai ini dipanggil sebagai berlancang yang diadakan setahun sekali. Kebiasaannya berbagai jenis makanan yang lazat seperti ayam dan daging akan dimasak untuk dimakan sambil mandi, selepas patung atau perahu kecil yang dihias dihanyutkan ke sungai.
Daun herba.	Rawatan tradisional yang sering digunakan untuk perubatan.		Kaedah perubatan yang digunakan oleh kebanyakan masyarakat Orang Asli adalah secara tradisional. Ilmu pengetahuan mereka dalam mencari pelbagai daun atau akar herba adalah cukup tinggi. Walaupun begitu, perubatan moden tetap memberikan kelebihan kepada mereka dengan mendapatkannya di klinik desa berhampiran, namun dalam masa yang sama ilmu rawatan secara tradisional ini masih lagi perlu dikekalkan.
Duit, mancis dan alatan tradisional suku Jakun.	Bahan yang digunakan untuk upacara mistik.		Masyarakat Orang Asli yang mengamalkan kepercayaan kepada aminisme iaitu semangat alam telah mewujudkan banyak adat dan pantang larang dalam kaum mereka. Kebiasaannya, aktiviti pemujaan atau menghalau semangat roh dan dewa, dilakukan dengan menggunakan pelbagai alatan. Perkara ini termasuklah adat membuka tanah atau kebun baharu, dan adat menyempurnakan enam kematian.



Rajah 5: Kulit Buku III

Jadual 3: Analisis Semiotik ‘Semiotik Sosial Masyarakat Seletar’

Elemen	Perwakilan (X)	Objek (Y)	Interpretasi (X=Y)
Fotografi	Gong.	Alat muzik tradisional.	Gong merupakan salah satu alat muzik tradisional diperbuat daripada besi atau gangsa yang bercampur timah. Dalam mendapatkan bunyi yang lebih lembut, bahan logam lain seperti perak, emas, timah atau tembaga diadunkan dengan gangsa. Kebiasaannya alat ini dimainkan dalam sebarang majlis atau upacara.



Rajah 6: Kulit Buku IV

Jadual 4: Analisis Semiotik ‘Orang Asli Pembangunan dan Transformasi’

Elemen	Perwakilan (X)	Objek (Y)	Interpretasi (X=Y)
Fotografi	Rumah masyarakat Orang Asli tradisional dan moden.	Bentuk kediaman masyarakat Asli.	Reka bentuk rumah masyarakat Orang Asli tradisional adalah berasaskan daun, buluh dan juga batang pokok kerana lebih sejuk. Rumah atau pondok yang diperbuat daripada kayu dan buluh lebih sejuk berbanding rumah batu kerana reka bentuk binaannya mempunyai sistem pengudaraan yang lebih baik, serta berfungsi untuk dijadikan sebagai stor simpanan barang (Vivien et al., 2019). Manakala pada zaman kini, reka bentuk rumah telah menerima seni bina yang agak

<p>Anak-anak kecil menaiki rakit di sungai.</p>	<p>Pengangkutan yang digunakan oleh Orang Asli.</p>	<p>moden. Hal ini berlaku disebabkan inisiatif daripada pihak kerajaan untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada mereka melalui bantuan rumah oleh kerajaan.</p>
<p>Seorang lelaki di ladang sawit.</p>	<p>Pekerjaan yang dilakukan.</p>	<p>Gambar tersebut menunjukkan pengangkutan yang sering digunakan oleh masyarakat Orang Asli iaitu rakit atau sampan. Kebiasaannya aktiviti air dilakukan untuk menangkap ikan serta memudahkan pergerakan ke sesuatu tempat.</p> <p>Sumber ekonomi masyarakat Orang Asli adalah bergantung kepada sumber alam di sekeliling petempatan mereka, (Haliza, 2018). Aspek ekonomi memperlihatkan golongan lelaki akan masuk ke dalam hutan untuk mencari sumber makanan dan ekonomi untuk menyara keluarga. Gambar tersebut menunjukkan bahawa pekerjaan buruh ladang sawit sebagai sumber pendapatan.</p>
<p>Pendidikan dan pembelajaran diberikan.</p>	<p>Kanak-kanak yang dalam kelas.</p>	<p>Masyarakat Orang Asli juga tidak ketinggalan dalam dunia pendidikan. Gambar berikut menunjukkan suasana pembelajaran kanak-kanak masyarakat Orang Asli tekun menuntut ilmu dalam kelas. Kerajaan Malaysia bersama pihak jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) begitu komited dalam usaha supaya mereka tidak keciciran dalam dunia pendidikan.</p>
<p>Hutan, gunung, dan</p>	<p>Geografi, budaya dan</p>	<p>Kawasan petempatan</p>

sungai.	kehidupan masyarakat Orang Asli.	masyarakat Orang Asli sememangnya tidak asing lagi dengan cara kehidupan di pedalaman. Majoriti masyarakat mereka sehingga ke hari masih lagi mengamalkan gaya kehidupan tradisional yang dipengaruhi oleh alam sekitar dan tinggal di kawasan hutan. Perkara ini disebabkan oleh kebergantungan mereka terhadap khazanah alam yang tinggi, iaitu punca rezeki dan kehidupan mereka.
---------	----------------------------------	--

Hasil perbincangan menunjukkan bahawa imej fotografi dalam kulit buku Orang Asli memberikan impak yang begitu besar terhadap sudut pandang bagi para pembaca. Pemilihan fotografi sebagai imej terhadap kulit buku akan lebih memberikan kesan yang begitu mendalam terhadap akal dan minda seseorang pembaca. Hal ini demikian kerana, fotografi merupakan hasil tangkapan yang menggambarkan keadaan masyarakat Orang Asli itu secara realiti. Secara kesimpulannya, masyarakat atau pembaca khususnya akan lebih tertarik untuk membeli dan mengamati keseluruhan kandungan buku yang memperihal tentang Orang Asli ini.

Kepentingan penggunaan visual fotografi terhadap kulit buku Orang Asli

Kulit Buku I

Seramai 10 dan tujuh orang responden memilih sangat setuju dan setuju mengenai kepentingan yang pertama iaitu, 'Visual fotografi berperanan untuk memberi hebahan, gambaran dan menjelaskan kepada khalayak sasaran mengenai keseluruhan penceritaan pada sesebuah buku'. Manakala, hanya dua orang responden sahaja yang berpandangan kurang bersetuju mengenai kepentingan yang pertama ini. Selain itu, maklum balas mengenai kepentingan yang kedua iaitu 'Visual fotografi berperanan mencetus, mempengaruhi dan menarik perhatian sasaran khalayak untuk memilih dan membaca sesuatu bahan bacaan' menunjukkan rata-rata responden memberikan pandangan yang memuaskan iaitu, 14 orang responden sangat setuju dan tiga orang setuju bagi kepentingan yang kedua. Namun begitu, terdapat dua orang responden yang masing-masing tidak dan sangat tidak setuju terhadap pandangan ini.

Seterusnya, seramai 18 orang responden telah menyokong bahawa 'Visual fotografi berperanan menjelaskan situasi, konsep dan idea kepada khalayak sasaran yang melihat reka bentuk kulit buku' dengan masing-masing, 11 orang sangat setuju dan tujuh orang lagi bersetuju dengan kepentingan ini, manakala hanya seorang responden sahaja yang tidak bersetuju dengan kepentingan penggunaan fotografi dalam kulit buku tersebut. Kepentingan yang seterusnya iaitu, 'Visual fotografi berperanan memudahkan khalayak sasaran untuk membezakan setiap kategori buku yang berada di pasaran' menunjukkan terdapat empat pilihan oleh responden. Sebanyak lapan dan sembilan orang responden telah memilih sangat setuju dan setuju mengenai kepentingan ini manakala terdapat seorang responden yang memilih kurang setuju dan sangat tidak setuju.

Hasil maklum balas oleh responden ini menunjukkan bahawa pilihan kepentingan yang kedua iaitu ‘Visual fotografi berperanan mencetus, mempengaruhi dan menarik perhatian sasaran khalayak untuk memilih dan membaca sesuatu bahan bacaan’ mendapat sokongan yang lebih tinggi berbanding kepentingan yang lain berdasarkan buku pertama yang ditunjukkan kepada mereka. Perkara ini menunjukkan bahawa visual fotografi yang digunakan terhadap kulit buku Orang Asli ini adalah sangat berkualiti sehingga mampu menjadi daya tarikan yang tinggi kepada pembaca yang melihatnya.

Kulit Buku II

Seterusnya, maklum balas soal selidik bagi kepentingan penggunaan visual fotografi dalam kulit buku Orang Asli yang kedua ini menunjukkan pilihan yang sangat tinggi antara sangat setuju dan setuju bagi keempat-empat kepentingan, bahkan di antara empat buah buku tersebut. Sebanyak lapan orang responden telah menyatakan sangat setuju dan tujuh orang responden lagi bersetuju bahawa ‘Visual fotografi berperanan untuk memberi hebahan, gambaran dan menjelaskan kepada khalayak sasaran mengenai keseluruhan penceritaan pada sesebuah buku’ manakala terdapat tiga orang responden yang kurang bersetuju dan seorang responden yang tidak bersetuju dengan kepentingan pertama ini. Seterusnya, bagi kepentingan yang kedua menunjukkan perbezaan antara responden yang memilih sangat setuju dan setuju adalah tidak jauh bezanya dengan masing-masing mendapat sembilan dan lapan orang responden. Namun begitu, masih terdapat dua orang responden yang kurang bersetuju akan kepentingan yang menyatakan ‘Visual fotografi berperanan mencetus, mempengaruhi dan menarik perhatian sasaran khalayak untuk memilih dan membaca sesuatu bahan bacaan’.

Kepentingan yang ketiga, ‘Visual fotografi berperanan menjelaskan situasi, konsep dan idea kepada khalayak sasaran yang melihat reka bentuk kulit buku’ memperlihatkan sebanyak sembilan orang responden yang memilih sangat setuju dan tujuh orang responden bersetuju dengan kepentingan ini. Manakala, hanya seramai tiga orang responden sahaja memilih untuk kurang bersetuju. Selain itu, maklum balas bagi kepentingan yang keempat, ‘Visual fotografi berperanan memudahkan khalayak sasaran untuk membezakan setiap kategori buku yang berada di pasaran’ menunjukkan persamaan antara jawapan sangat setuju dan setuju, dengan masing-masing mendapat 8 sokongan daripada responden. Manakala tiga orang responden yang lain kurang bersetuju untuk memilih dengan pandangan yang ketiga ini. Justeru, majoriti responden mempunyai pengetahuan bahkan pengalaman yang cukup meluas dengan buku yang bertajuk ‘Buku Adat dan Pantang Larang Orang Asli Semenanjung Malaysia’.

Perkara ini sebenarnya tidak asing lagi dalam realiti kehidupan masyarakat di negara ini, lebih-lebih lagi kaum Orang Asli yang mengamalkan kepercayaan aminisme dan menetap di kawasan hutan. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan visual fotografi tersebut berkesan, hasil daripada pengalaman pembaca yang membawa kepada mempengaruhi, memberi gambaran, dan menjelaskan situasi, seterusnya membezakan setiap kategori buku tersebut.

Kulit Buku III

Maklum balas responden terhadap buku yang ketiga ini menunjukkan kurangnya sokongan terhadap sangat setuju berbanding setuju. Enam orang responden telah memilih sangat setuju bagi kepentingan yang pertama lebih rendah berbanding responden yang memilih setuju, dengan sebanyak lapan orang responden. Walaupun begitu, terdapat seorang responden yang tidak bersetuju akan kepentingan visual fotografi terhadap buku ini. Kepentingan yang seterusnya, ‘Visual fotografi berperanan mencetus, mempengaruhi dan menarik perhatian sasaran khalayak untuk memilih dan membaca sesuatu bahan bacaan’ menunjukkan hanya enam orang responden yang memilih sangat setuju lebih rendah dengan responden yang menyokong untuk bersetuju sahaja dengan sebanyak tujuh orang.

Manakala, seorang responden tidak bersetuju akan kepentingan yang kedua ini berkaitan buku yang dipaparkan ini.

Selain itu, kepentingan yang ketiga iaitu ‘Visual fotografi berperanan menjelaskan situasi, konsep dan idea kepada khalayak sasaran yang melihat reka bentuk kulit buku’ menunjukkan perbezaan yang sangat ketara antara maklum balas responden terhadap sangat setuju dengan bersetuju. Hasil menunjukkan, hanya lima orang responden sahaja yang memilih untuk sangat setuju, manakala terdapat sembilan orang responden untuk bersetuju akan kepentingan yang ketiga ini. Namun begitu, terdapat seorang responden yang tidak bersetuju akan pandangan ini. Akhir sekali, bagi kepentingan yang keempat, ‘Visual fotografi berperanan memudahkan khalayak sasaran untuk membezakan setiap kategori buku yang berada di pasaran’ mendapat sokongan majoriti yang sama terhadap sangat setuju dan bersetuju. iaitu dengan masing-masing mendapat lapan orang responden. Manakala, sebanyak tiga orang responden kurang bersetuju dan seorang responden tidak bersetuju dengan kepentingan visual fotografi dengan buku yang keempat ini.

Maklum balas responden mengenai kepentingan penggunaan visual fotografi terhadap buku ini kurang memberangsangkan antara yang lain. Perkara ini dapat diperhatikan dengan pilihan jawapan setuju dan kurang setuju lebih banyak berbanding buku-buku yang lain. Faktor ini juga dipengaruhi oleh pemilihan visual fotografi yang digunakan terhadap buku itu sendiri, sehinggakan responden kurang menyokong penggunaan visual fotografi terhadap kulit buku Orang Asli adalah mempengaruhi, memberi gambaran, menjelaskan situasi.

Hasil pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji berdasarkan maklum balas responden bagi setiap buku berikut didapati bahawa pembaca atau khalayak akan lebih tertarik untuk membaca berdasarkan kualiti pada kulit buku yang memperihai tentang masyarakat Orang Asli. Sesebuah karya itu perlulah memberikan impak yang sangat mendalam kepada khalayak atau kumpulan sasaran melalui pandangan pertama dengan menggunakan visual fotografi terhadap kulit buku. Hal ini demikian kerana, interpretasi yang tinggi dapat dihasilkan oleh pembaca apabila melihat sesuatu imej atau visual yang berunsurkan realiti kehidupan lebih-lebih lagi ‘genre’ bukunya bersifat peradaban atau sejarah, dan buku yang memaparkan tentang kisah tentang Orang Asli ini tergolong dalam genre berikut. Perkara ini dapat dibuktikan bahawa terdapat empat kepentingan yang dinilai oleh pengkaji dan salah satunya adalah kulit buku masyarakat Orang Asli tersebut. Jelaslah bahawa visual fotografi menjadi satu unsur penting dalam menarik minat dan perhatian pembaca atau khalayak sasaran terhadap buku yang menceritakan tentang masyarakat Orang Asli.

Kulit Buku IV

Maklum balas daripada responden mengenai buku Orang Asli yang bertajuk ‘Orang Asli Pembangunan dan Transformasi’ menunjukkan purata jawapan berada pada tahap yang memberangsangkan kerana tiada yang berpandangan tidak setuju dan sangat tidak setuju. Kepentingan yang pertama, iaitu ‘Visual fotografi berperanan untuk memberi hebahan, gambaran dan menjelaskan kepada khalayak sasaran mengenai keseluruhan penceritaan pada sesebuah buku mendapat sokongan yang paling tinggi iaitu sebanyak 11 orang responden. Manakala responden yang lain masing-masing memilih sangat setuju sebanyak tujuh orang dan seorang bagi kurang bersetuju. Kepentingan yang kedua iaitu ‘Visual fotografi berperanan mencetus, mempengaruhi dan menarik perhatian sasaran khalayak untuk memilih dan membaca sesuatu bahan bacaan’ menunjukkan sebanyak sembilan orang responden berpandangan sangat setuju, diikuti enam orang memilih setuju, dan selebihnya iaitu sebanyak empat orang responden kurang setuju dengan kepentingan yang kedua ini.

Selain itu, kedudukan jawapan responden antara sangat setuju dan setuju tidak jauh beza, iaitu masing-masing mendapat pilihan sebanyak lapan dan sembilan orang. Manakala, hanya terdapat dua orang responden

sahaja yang kurang bersetuju dengan kepentingan penggunaan fotografi pada kulit buku Orang Asli yang ketiga ini. Bagi kepentingan yang keempat pula, 'Visual fotografi berperanan memudahkan khalayak sasaran untuk membezakan setiap kategori buku yang berada di pasaran' juga menunjukkan jurang yang rapat antara pandangan responden yang sangat setuju dan bersetuju iaitu masing-masing sebanyak sembilan dan lapan orang responden. Manakala hanya dua orang responden sahaja yang memilih kurang bersetuju dengan pandangan kepentingan yang keempat ini.

Oleh itu, kepentingan yang pertama iaitu 'Visual fotografi berperanan untuk memberi hebahan, gambaran dan menjelaskan kepada khalayak sasaran mengenai keseluruhan penceritaan pada sesebuah buku' menjadi pilihan yang paling tinggi dalam kategori sangat setuju. Hal ini membuktikan bahawa, buku yang bertajuk 'Orang Asli Pembangunan dan Transformasi' menggunakan visual fotografi yang tepat dalam memberikan gambaran yang menyeluruh kepada khalayak. Secara tidak langsung pembaca menghasilkan interpretasi yang tinggi apabila melihat visual fotografi dengan tajuk buku tersebut kerana dapat menjelaskan penceritaannya melalui pandangan pertama.

KESIMPULAN

Para pembaca amat menitikberatkan pengayaan dan keunikan yang terdapat pada sesebuah kulit buku, penggunaan visual fotografi menjadi elemen yang memainkan peranan sebagai daya tarikan yang utama terhadap pembaca untuk membaca. Perkara ini jelas dalam dapatan kajian bahawa visual fotografi itu sendiri berperanan dalam menyampaikan mesej serta memberi gambaran yang menyeluruh mengenai maklumat dalam buku tersebut, seterusnya menciptakan interpretasi terhadap pembaca.

Hal ini demikian kerana, visual fotografi yang bersifat realiti membuktikan peradaban atau situasi yang diceritakan dalam sesebuah buku tersebut adalah benar dan bukan rekaan semata-mata. Oleh itu, pengayaan visual fotografi dalam kulit buku Orang Asli perlu lebih efektif bagi menarik perhatian para pembaca sekali gus mengangkat budaya masyarakat Orang Asli yang unik ini.

RUJUKAN

- Crawford, J., & Irving, C. (2009). Information literacy in the workplace: a qualitative exploratory study. *Journal of librarianship and information science*, 41(1), 29-38.
- Creswell, J. W. (2009). *Research designs: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach*. Sage Publication.
- Danesi, M. (2004). *Messages, Sign, and Meaning: A Basic Textbook in Semiotics and Communication Theory* terj. Evi Setyarini dan Lusi Lian Piantari. Jalasutra.
- Adnen, H. (2022). Menilai buku daripada kulitnya. Dipetik daripada <http://klikweb.dbp.my/?p=16591>
- Tahir, H.M., Mustafa, N., & Mahmud, W.A.W. (2018). Peranan visual reka bentuk kulit buku terhadap kemudahbacaan khalayak. *Jurnal Komunikasi*, 34(4), 271-284.

- Suhaimi, M.S., Hashim, M.F & Sha'ri., S.N.(2019). Visual illustration and photography on Islamic book cover designs: a semiotic analysis. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(5), 34-41.
- Suhaimi, M.S. (2021). Kajian Orang Asal: Daripada Data Mentah Kepada Penerbitan Buku. Diakses daripada <https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2021/12/31/1005/>
- Aslam, M.M.M & Abdullah, S. (2004). *Pembentukan nilai-nilai murni masyarakat Semai melalui konsep pandang dunia (world view): Satu analisis awal*. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi. (*Unpublished*)
- Ashaari, M.F., Hamzah, M.F., Rosmawati, L.Y., & Rasit, M. (2018). Tarikan terhadap buku Indie dalam kalangan pembaca muda di Malaysia. *Islamiyyat*, 40(2), 169-178.
- Mansor, N., & Mansor, N.R. (2015). Penerbitan ilmiah Bahasa Melayu dalam kalangan ilmuwan negara. *Journal of Business and Social Development*, 3(1), 25-32.
- Sharudin, S.A., Mustaffa, N., & Sannusi, S.N. (2020). Peranan visual *Instagram* dalam meningkatkan kesedaran kesihatan masyarakat. *e-Bangi*, 17(2), 91-103.
- Smith, J. D. (2019). The important of cover design. *Writers & Artists: The Insider Guide to the Media*. Diakses dari <https://www.writersandartists.co.uk/self-publishing/articles/608/design-and-formatting>
- Stokes, J. (2003). *How to Do Media and Cultural Studies*. Sage Publication.
- Ali, T.I.M.T.M., Mustafa, M., & Junaidi, R. (2020). Kearifan tempatan dalam kulit buku sastera kanak-kanak terpilih terbitan PTS. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 22-37.
- Vivien, W.C. Yew, Ramlan, S.F.M., & Ahmad, M.R. (2019). Pendekatan kualitatif untuk memahami kualiti hidup masyarakat Orang Asli di Pahang. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 4, 191-205.